



## KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA TERBUKA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** terbuka kepada semua bertaraf Bumiputera dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebut harga berikut:

Tajuk Sebut harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut harga	Taklimat Sebut harga
<b>SEBUT HARGA PERKHIDMATAN SEWAAN MESIN PENAPIS AIR (WATER DISPENSER) DI WISMA BERNAMA KUALA LUMPUR DAN PEJABAT BIRO DI SEMENANJUNG MALAYSIA TERMASUK SABAH &amp; SARAWAK BAGI TEMPOH TIGA (3) TAHUN</b>  <b>NO. RUJUKAN : BER/SH/07/2023</b>	<b>221501 – PENYEWAAN PERABOT/KELENGKAPAN</b>  <b>ATAU</b>  <b>221502 – PENYEWAAN MESIN DAN PERALATAN PEJABAT</b>	<b>19 April 2023 (Rabu) jam 12.00 tengah hari</b>  Tawaran yang dihantar selepas jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan	<b>11 April 2023 Jam 2:30 petang (Selasa)</b>  <b>Kehadiran digalakkan</b>

Dokumen sebut harga boleh didapati mulai tarikh **11 April 2023 (Selasa)** selepas waktu taklimat.

Satu sesi **taklimat akan diadakan secara atas talian dan penyertaan adalah digalakkan**. Syarikat yang ingin menyertai taklimat perlu kemukakan Borang Pengesahan Kehadiran dan diemelkan kepada Urus Setia selewat lewatnya pada **11 April 2023 (Selasa)**. Taklimat akan diadakan seperti berikut:

Tarikh : 11 April 2023 (Selasa)  
 Masa : 2:30 petang  
 Tempat : Secara Atas Talian

Syarikat juga wajib mengemukakan Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan yang masih aktif sebelum menghadiri taklimat. Hanya syarikat yang mempunyai kod bidang berkaitan sahaja layak menyertai sebut harga ini. Hanya nama yang berdaftar dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kementerian Kewangan dan/atau wakil perwakilan kuasa (**Surat Perwakilan Kuasa**) yang diturunkan oleh penama yang berdaftar yang sah sahaja dibenarkan menyertai sesi taklimat.

Bagi syarikat yang tidak dapat menghadiri taklimat, boleh mendapatkan dokumen sebut harga dengan membuat permohonan melalui emel kepada Urus Setia perolehan untuk mendapatkan salinan asal dokumen sebut harga.

Penyebuthargat perlu menghantar tawaran tersebut secara manual ke dalam peti sebut harga berserta dokumen-dokumen sokongan pada atau **sebelum jam 12.00 tengah hari 19 April 2023 (Rabu)** di alamat berikut:

**Bahagian Perolehan**  
**Tingkat 6, Wisma BERNAMA**  
**28, Jalan BERNAMA,**  
**Off Jalan Tun Razak,**  
**50400 Kuala Lumpur**  
**(u.p : Urus Setia Perolehan BERNAMA)**  
**No Tel : 03-2631 1278**  
**E-mel : [syuhadahamin@bernama.com](mailto:syuhadahamin@bernama.com)**

Syarikat yang memerlukan sebarang penjelasan lanjut mengenai dokumen sebut harga boleh berhubung secara bertulis melalui surat rasmi yang diemel kepada alamat di atas.

Tawaran sebut harga yang lewat dikemukakan dan kelewatan menghantar dokumen sokongan seperti mana arahan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.